

Mansoc tolak

B. Harian (M)

rayuan silat

10 MAY 1991

Oleh FAHMI OMAR
dan
NORBAKTI ALIAS

HARAPAN Malaysia untuk mengulangi pungutan empat pingat emas dalam acara silat olahraga Sukan SEA di Manila, November depan berkecaci apabila jawatankuasa penganggur sukan itu (Mansoc) tidak akan melayani rayuan ia disenaraikan semula.

Menurut pegawai Majlis Olimpik Malaysia (MOM), keputusan tidak menyenaraikan silat itu dibuat dalam mesyuarat Persekutuan Sukan SEA (SGF) di Beijing tahun lalu dan ia adalah muktamad.

"Segala rayuan sudah tidak berguna lagi dan jadual semua 27 acara sudah pun dikeluarkan oleh Mansoc bulan lalu," katanya.

Februari lalu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), diketuai oleh presidennya, Tan Sri Muhamad Haji Muhd Taib, dan rombongan Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) pergi ke Manila untuk merayu Mansoc menyenaraikan acara itu.

Dalam perbincangan dengan Majlis Olimpik



Manila

Filipina (POC), mereka membuat jaminan kuat kepada Tan Sri Muhamad bahawa silat akan mendapat pertimbangan wajar untuk disenaraikan.

Pegawai MOM berkata, POC tidak mempunyai kuasa untuk menyenaraikan silat pada Sukan SEA kerana kuasa mutlak itu diserahkan sepenuhnya kepada Mansoc.

"Mengikut perlembagaan SGF, jawatan kuasa tuan rumah mempunyai hak menyenaraikan beberapa acara sukan yang dipertandingkan di bawah kategori C antaranya silat, kriket, softbol dan taekwondo," katanya.

Sementara itu, setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan terkejut dengan kenyataan pegawai MOM itu.